

**PERANAN PENOLONG KANAN KOKURIKULUM DALAM
PENGURUSAN KOKURIKULUM DI SEKOLAH
MENENGAH DI KOTA KINABALU**




ABDUL HUSSIN BIN MADJAKINAL

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2009**

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.


ABDUL HUSSIN BIN MADJAKINAL
PT20068406
2009



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : Abdul Hussin Bin Madjakinal

NO MATRIK : PT 20068406

TAJUK : Peranan Penolong Kanan Kokurikulum Dalam Pengurusan
Kokurikulum Di Sekolah Menengah Di Kota Kinabalu.

IJAZAH : Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan)

TARIKH VIVA : 04 JULAI 2009

TELAH DISAHKAN OLEH



PENYELIA

Prof. Madya Dr. Hj Mohd Yusof Abdullah

A handwritten signature in black ink, consisting of a series of loops and a long vertical stroke, positioned over a dotted line.

(Tandatangan)

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL : **PERANAN PENOLONG KANAN KOKURIKULUM DALAM PENGURUSAN KOKURIKULUM DI SEKOLAH MENENGAH DI KOTA KINABALU**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

SAYA : **ABDUL HUSSIN MADJAKINAL**

SESI PENGAJIAN : **2006/2009**

Mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah ini disimpan di perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenar membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)


☒

TIDAK TERHAD

JULIZA RAMZI

PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan Oleh

()

(_____)

(Prof. Madya Dr. Hj. Mohd Yusof Abdullah)

Tarikh : 3/8/09

Tarikh : _____

CATATAN : @ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ucapkan syukur alhamdulillah ke hadrat Allah S. W. T. kerana dengan izin-Nya laporan penyelidikan ini berjaya disempurnakan seperti yang dirancang.

Dalam kesempatan ini saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Prof. Madya Dr Hj. Mohd Yusof Abdullah selaku penyelia yang telah banyak membantu saya memberikan tunjuk-ajar dan bimbingan yang amat penting untuk memastikan projek penyelidikan ini berjalan lancar dan dapat disiapkan sepenuhnya seperti mana yang telah disyaratkan dalam kelayakan sarjana. Tidak lupa juga ucapan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah Sekolah Pendidikan dan Sains Sosial yang telah banyak memberi input serta pengetahuan yang berkaitan dengan projek penyelidikan yang saya jalankan.

Penghargaan juga saya tujukan kepada rakan-rakan guru yang banyak membantu dan memberi dorongan kepada saya untuk menyiapkan projek penyelidikan ini.

Akhir sekali ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada orang yang tersayang iaitu isteri tercinta, Rosnizatun Shaari dan puteri-puteri kesayangan iaitu Nurfarhana, Nur Aimi Zafirah dan Nur Hanis Ilya yang telah banyak membantu memberi sokongan, dorongan dan semangat untuk memastikan saya dapat menyiapkan projek penyelidikan ini. Semoga kehidupan kami sekeluarga sentiasa diberkati Allah S. W. T. Amin.

Terima kasih.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti peranan yang sepatutnya dimainkan oleh penolong kanan kokurikulum dalam pengurusan kokurikulum di sekolah menengah daerah Kota Kinabalu. Aspek pengurusan kokurikulum yang dilihat adalah berdasarkan peranan dan tanggungjawab penolong kanan kokurikulum sebagai perancang, pengelola, penyelia atau pengawal dan penilai dalam aktiviti kokurikulum. Sampel kajian ini terdiri daripada 63 orang guru dari 6 buah sekolah menengah di daerah Kota Kinabalu. Kajian ini bersifat deskriptif dengan menggunakan soal selidik yang dibina dan diubahsuai berdasarkan kepada panduan pengurusan kokurikulum yang telah dikeluarkan oleh Jemaah Nazir Sekolah. Kajian rintis telah dijalankan terlebih dahulu yang melibatkan 32 responden guru-guru penasihat kokurikulum untuk memastikan kebolehpercayaan dan kesahan. Kemudian dianalisis menggunakan alfa Cronbach dan mendapati nilai Alpha adalah 0.931. Hasil ujian kebolehpercayaan ini mengesahkan bahawa soal selidik yang digunakan dalam kajian ini adalah tahap tinggi dan sesuai untuk menerangkan dimensi yang ditetapkan. Data yang diperolehi dianalisis bagi menerangkan dapatan Skor min dan sisihan piawai digunakan bagi menerangkan setiap dimensi yang dikaji. Ujian-t sampel tidak bersandar digunakan mengenal pasti perbezaan amalan guru penolong kanan kokurikulum berdasarkan ciri demografi. Kolerasi Pearson juga digunakan untuk mengenal pasti hubungan inter-dimensi antara amalan pengurusan guru penolong kanan kokurikulum di sekolah. Dapatan menunjukkan bahawa guru-guru mempersepsikan penolong kanan kokurikulum memainkan peranannya dalam pengurusan kokurikulum pada tahap yang tinggi iaitu min 3.99 dengan sisihan piawai 0.47. Manakala dalam setiap dimensi yang dinilai juga menunjukkan tahap penilaian yang tinggi. Dimensi perancang kokurikulum min 4.12 dan sisihan piawai 0.48, dimensi pengelola min 4.08 dengan sisihan piawai 0.51, dimensi penyelia min 3.85 dengan sisihan piawai 0.54 dan dimensi penilai min 3.92 dengan sisihan piawai 0.55. Ini menunjukkan bahawa menurut persepsi guru-guru penasihat kokurikulum, penolong kanan kokurikulum di sekolah menengah di sekitar Kota Kinabalu memainkan peranan mereka sebagai pengurus kokurikulum. Namun begitu sedikit kelemahan didapati dalam dimensi penyeliaan atau pengawalan oleh penolong kanan kokurikulum terhadap pengurusan aktiviti kokurikulum. Hal ini perlu diberi perhatian agar segala matlamat dan objektif pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah dapat dicapai berdasarkan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang ingin melahirkan seorang insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek serta sahsiah (JERIS).

ABSTRACT

THE ROLE OF SENIOR ASSISTANT OF CO-CURRICULUM IN MANAGING CO-CURRICULUM IN KOTA KINABALU SECONDARY SCHOOLS

This study was carried out to identify the role of Senior Assistants of Co-curriculum (SACC) in the management of Co-curriculum in Kota Kimball secondary school. The aspect that is focused is the role and responsibility of SACC as the planner, organizer, controller and assessor in Co-curriculum activity. The sample consists of 63 teachers from 6 secondary schools in Kota Kinabalu. This is a descriptive study using questionnaires that has been adapted the Co-curriculum management guide from the School Inspectorate (Jemaah Nazir Sekolah). A pilot study had been conducted which involved 32 respondents of teacher advisors from clubs and societies to ensure its validity and reliability. The value of Alpha Cronbach is 0.931. It shows that the questionnaires are valid for this study. The data was analyzed to get the mean score and standard deviation. T-test was used to ensure that there is a difference in the senior assistants or Co-curriculum's usage based on the demography characteristics. Pearson Correlations was used to identify the relationship of inter-dimension between performance management of SACC in school. The outcome shows that the teachers perception of SACC is that they play their roles in the management at a high level with the mean score of 3.99 and standard deviation of 0.47. While for each dimension assessed also shows a high level: Planner dimension mean score of 4.12 with standard deviation of 0.48; organizer dimension mean score of 4.08 with standard deviation of 0.51; controller dimension mean score of 3.85 with standard deviation of 0.45 and assignor dimension mean score of 3.92 with standard deviation of 0.55. These show that the perception of the teacher advisors and SACC in secondary schools in Kota Kimball play their roles in managing the Co-curriculum. However, there is a short coming found in the observation or controller dimension by SACC in managing co-curriculum activities. This matter need to be given attention in order to achieve the aims and objectives of the implementation of co-curriculum activities in school's in line with our National Education of Philosophy, that is to develop a person as a whole (equally) in the emotional, spiritual and intellectual aspects as well as his behavior.

SINGKATAN

AJK	Ahli Jawatankuasa
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
GPK	Guru Penolong Kanan
H	Hipotesis
JERIS	Jasmani, emosi, rohani dan intelek serta sahsiah
PLKN	Program Latihan Khidmat Negara
SKM	Sekolah Kurang Murid



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN STATUS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SINGKATAN	vii
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI JADUAL	xiv

BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	2
1.3 Soalan Kajian	4
1.4 Tujuan Kajian	5
1.5 Objektif Kajian	5
1.6 Hipotesis Kajian	6
1.7 Definisi Operasional	6
1.7.1 Penolong Kanan Kokurikulum (GPK Kokurikulum)	6
1.7.2 Pengurusan Kokurikulum	8
1.7.2.1 Perancangan	9
1.7.2.2 Pengelolaan	9
1.7.2.3 Penyeliaan	10
1.7.2.4 Penilaian	10
1.7.3 Kegiatan Kokurikulum	10
1.7.4 Sekolah	11
1.8 Signifikan Kajian	12
1.9 Limitasi Kajian	13

1.10	Kesimpulan	13
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	14
2.1	Pengenalan	14
2.2	Definisi Konsep	14
2.2.1	Konsep Peranan	14
2.2.2	Pengurusan	17
2.2.3	Definisi Kokurikulum	22
2.2.4	Konsep Pengurusan Kokurikulum	24
2.2.5	Carta Organisasi Pengurusan Kokurikulum	25
2.2.6	Matlamat dan Objektif Kokurikulum	27
2.2.7	Dasar Dan Pelaksanaan Gerak Kerja Kokurikulum	27
2.2.8	Prinsip-prinsip Melaksanakan Aktiviti Kokurikulum	30
2.2.9	Kepentingan Kokurikulum Dalam Sistem Pendidikan	30
2.3	Kajian Lepas	33
2.4	Kerangka Kajian	35
2.5	Kesimpulan	36
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	37
3.1	Pengenalan	37
3.2	Reka Bentuk Kajian	37
3.3	Sampel Kajian	37
3.4	Instrumen Kajian	38
3.5	Prosedur Pengumpulan Data Dan Analisis Data	40
3.6	Prosedur Analisis Data	40
3.7	Kajian Rintis	42
3.8	Kesimpulan	44
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	45
4.1	Pengenalan	45
4.2	Demografi Responden	45

4.3	Peranan Guru Penolong Kanan Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah	47
4.3.1	Peranan Guru Penolong Kanan Kokurikulum Sebagai Perancang Kokurikulum Di Sekolah	47
4.3.2	Peranan Guru Penolong Kanan Kokurikulum Sebagai Pengelola Kokurikulum Di Sekolah	48
4.3.3	Peranan Guru Penolong Kanan Kokurikulum Sebagai Penyelia Kokurikulum Di Sekolah	49
4.3.4	Peranan Guru Penolong Kanan Kokurikulum Sebagai Penilai Kokurikulum Di Sekolah	50
4.3.5	Peranan Guru Penolong Kanan Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah	51
4.4	Perbezaan Tahap Amalan Guru Penolong Kanan Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah Berdasarkan Ciri Demografi	52
4.4.1	Perbezaan Tahap Amalan Guru Penolong Kanan Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah Berdasarkan Jantina	52
4.4.2	Perbezaan Tahap Amalan Guru Penolong Kanan Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah Berdasarkan Umur	53
4.4.3	Perbezaan Tahap Amalan Guru Penolong Kanan Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah Berdasarkan Kelulusan Akademik Tertinggi	54
4.4.4	Perbezaan Tahap Amalan Guru Penolong Kanan Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah Berdasarkan Pengalaman Mengajar	56
4.5	Hubungan Inter-Dimensi Amalan Guru Penolong Kanan Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah	57
4.6	Rumusan Dapatan Kajian	58

BAB 5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	60
5.1	Pengenalan	60
5.2	Rumusan	60
5.3	Perbincangan	61
5.3.1	Peranan Guru Penolong Kanan Kokurikulum Sebagai Perancang Kokurikulum Di Sekolah	61
5.3.2	Peranan Guru Penolong Kanan Kokurikulum Sebagai Pengelola Kokurikulum Di Sekolah	62
5.3.3	Peranan Guru Penolong Kanan Kokurikulum Sebagai Penyelia Kokurikulum Di Sekolah	63
5.3.4	Peranan Guru Penolong Kanan Kokurikulum Sebagai Penilai Kokurikulum Di Sekolah	64
5.4	Peranan Guru Penolong Kanan Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah	65
5.5	Perbezaan Tahap Amalan Guru Penolong Kanan Kokurikulum Dalam Pengurusan kurikulum Di Sekolah Berdasarkan Ciri Demografi	70
5.5.1	Perbezaan Tahap Amalan Guru Penolong Kanan Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah Berdasarkan Jantina	70
5.5.2	Perbezaan Tahap Amalan Guru Penolong Kanan Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah Berdasarkan Umur	71
5.5.3	Perbezaan Tahap Amalan Guru Penolong Kanan Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah Berdasarkan Kelulusan Akademik Tertinggi	72
5.5.4	Perbezaan Tahap Amalan Guru Penolong kanan Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah Berdasarkan Pengalaman Mengajar	72
5.6	Hubungan Inter-Dimensi Amalan Guru Penolong Kanan Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah	73

5.7	Cadangan	74
5.7.1	Cadangan Tindakan	74
5.7.2	Cadangan Kajian Lanjutan	75
5.8	Kesimpulan	75
BIBLIOGRAFI		77
LAMPIRAN		



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

NO RAJAH	TAJUK RAJAH	MUKA SURAT
1.1	Struktur Komponen dalam Kokurikulum	11
2.1	Model Peranan Pengurusan Mintzberg (1980)	16
2.2	Proses Pengurusan Dalam Organisasi	19
2.3	Konsep Pengurusan Taylor	22
2.4	Carta Organisasi Pengurusan Kokurikulum Sekolah	26
2.5	Peranan Penolong Kanan Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah Menengah Di Kota Kinabalu	35



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK JADUAL	MUKA SURAT
3.1	Pembahagian Item GPK Kokurikulum sebagai Pengurus Kokurikulum (Perancang, Pengelola, Penyelia Dan Penilai)	39
3.2	Jadual Objektif dan Statistik yang Digunakan	41
3.3	Pengukuran Tahap	42
3.4	Ujian Kebolehpercayaan	43
4.1	Demografi Responden (n=63)	46
4.2	Peranan GPK Kokurikulum sebagai Perancang Kokurikulum Di Sekolah	47
4.3	Peranan GPK Kokurikulum sebagai Pengelola Kokurikulum Di Sekolah	48
4.4	Peranan GPK Kokurikulum sebagai Penyelia Kokurikulum Di Sekolah	49
4.5	Peranan GPK Kokurikulum sebagai Penilai Kokurikulum Di Sekolah	50
4.6	Peranan GPK Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah	51
4.7	Perbezaan Tahap Amalan GPK Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah Berdasarkan Jantina	52
4.8	Perbezaan Tahap Amalan GPK Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah Berdasarkan Umur	53
4.9	Perbezaan Tahap Amalan GPK Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah Berdasarkan Kelulusan Akademik Tertinggi	55
4.10	Perbezaan Tahap Amalan GPK Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah Berdasarkan Pengalaman Mengajar	56
4.11	Hubungan Inter-dimensi Amalan GPK Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah	57



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Berdasarkan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menghendaki seseorang insan itu dapat memanfaatkan ilmu ke arah kecemerlangan diri dan mampu memberi sumbangan kepada masyarakat serta negara, maka pengisian matlamat tersebut tidak tertumpu semata-mata kepada kurikulum sahaja.

Dalam konteks tersebut, kokurikulum merupakan pelengkap kepada kehendak dan kepentingan kurikulum. Aktiviti kokurikulum menyediakan pelbagai peluang kepada pelajar untuk menambah, mengukur dan mengamalkan kemahiran, pengetahuan dan nilai-nilai yang telah dipelajari di dalam bilik darjah. Oleh sebab sistem pendidikan berorientasikan kejayaan dalam peperiksaan, maka kurikulum akademik dipandang lebih penting daripada kokurikulum. Apa yang dilihat oleh orang ramai ialah bentuk kedua-dua kurikulum ini sedangkan pada asasnya, kedua-duanya merupakan dua komponen yang mempunyai hubungan yang rapat dan saling memberi peneguhan antara satu sama lain dalam sistem pendidikan. Sumbangan kokurikulum bukan setakat mengisi kepentingan perseorangan semata-mata tetapi yang nyata kecemerlangan tersebut jika digembeleng akan memberi suatu sumbangan yang bererti dalam pembinaan masyarakat seimbang dan negara yang makmur.

Ibrahim (2001) merumuskan kegiatan kokurikulum adalah satu bidang pembelajaran yang berasaskan pelbagai gerak kerja terancang dan perlu dilakukan dalam masa persekolahan. Gerak kerja kokurikulum adalah berorientasikan dari dan bukan berasaskan mata pelajaran akademik. Kegiatan-kegiatan kokurikulum juga dikatakan satu cara bagi mencapai matlamat-matlamat pendidikan. Berdasarkan laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (1979) menyatakan bahawa gerak kerja kokurikulum ini;

“...adalah penting untuk menyemai, memupuk, dan menanam perasaan kekitaan atau *‘esperit de corps’* di antara pelajar-pelajar berbagai-bagai keturunan. Aktiviti kokurikulum bertujuan melatih pelajar-pelajar supaya bertanggungjawab. Kegiatan ini juga boleh melatih mereka berdisiplin, berdikari, dan berkemahiran dalam sesuatu lapangan yang mereka sertai”

(sumber: Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran tahun 1979)

Namun begitu, sekolah-sekolah di Malaysia masih terdapat kelemahan dari segi pelaksanaan dan keberkesanan gerak kerja kokurikulumnya. Antara sebab- sebabnya adalah wujudnya anggapan bahawa gerak kerja kokurikulum ini tidak penting kerana tidak menekankan domain intelek. Menurut Coleman (1961), dalam Nor Azah (2007) melalui model *‘Zero Sum’* menegaskan bahawa penglibatan yang tinggi oleh para pelajar dalam kegiatan kokurikulum akan melemahkan pencapaian akademik mereka akibat daripada pengurangan masa yang digunakan untuk pembelajaran akademik.

Walau bagaimanapun, banyak kajian yang dibuat selepas Coleman (1961) dalam Nor Azah (2007) yang menunjukkan dapatan sebaliknya. Contohnya, menurut Holland dan Andre (1987) dalam Omardin (2002), penglibatan pelajar di dalam kegiatan kokurikulum menggalakkan perkembangan keseluruhan individu itu. Penglibatan pelajar dalam kokurikulum juga boleh menghasilkan kesan yang positif yang dapat dilihat daripada ciri-ciri penghargaan sendiri pelajar yang tinggi, keupayaan untuk mengawal kehidupan sendiri, mempunyai aspirasi yang tinggi serta mempunyai pencapaian akademik yang tinggi terutama bagi pelajar lelaki, disamping penglibatan dalam aktiviti sosial dan politik yang tinggi.

1.2 Pernyataan Masalah

Didapati bahawa penyertaan murid-murid dalam aktiviti kokurikulum adalah kurang memuaskan. Mengikut tinjauan, terdapat murid-murid di sesetengah sekolah tidak mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti kokurikulum, walaupun mengikut

peraturan setiap murid diwajibkan menyertai tiga jenis aktiviti kokurikulum, iaitu Pasukan Beruniform, Persatuan atau Kelab, dan Sukan / Permainan.

Mengikut tinjauan yang telah dilakukan oleh Kementerian Pelajaran, masalah ponteng ini bukan sahaja berlaku dikalangan murid, tetapi juga termasuk sesetengah guru penasihat terutamanya apabila aktiviti-aktiviti kokurikulum dikelola oleh jurulatih dari luar sekolah.

Kegagalan murid ataupun guru-guru penasihat menghadiri perjumpaan aktiviti kokurikulum memang menjejaskan keberkesanan penyeliaan dan penilaian aktiviti tersebut. Masalah ini ditambah rumitkan kerana kemudahan tempat menjalankan aktiviti kokurikulum adalah terhad, terutamanya kebanyakan sekolah yang ada dua sesi persekolahan. Selain dari itu, kebanyakan guru penasihat kurang mahir kerana tidak mendapat pendedahan dan latihan dalam pengurusan aktiviti kokurikulum.

Bagaimanapun, masalah-masalah penyertaan aktiviti kokurikulum ini boleh diatasi sekiranya tanggungjawab yang diamanahkan kepada pihak pengurusan serta guru-guru penasihat yang melaksanakan dengan penuh dedikasi, termasuk penghargaan penyertaan murid-murid dalam aktiviti kokurikulum diiktirafkan.

Berdasarkan laporan Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan dalam Buku Panduan Pengurusan Profesional Sekolah Menengah (1993), faktor kepimpinan, khususnya dalam bidang pengurusan juga menjadi punca kepada timbulnya pelbagai masalah dalam pelaksanaan kokurikulum. Penekanan terhadap pengurusan kokurikulum pada umumnya masih belum begitu tegas berbanding dengan perhatian yang diberikan dalam bidang akademik ataupun kurikulum. Ini dapat dilihat daripada kualiti perancangan pelaksanaan dan kawalan yang terdapat di beberapa buah sekolah.

Penghayatan, penglibatan dan penyertaan para pentadbir, guru dan pelajar dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum adalah di tahap minima. Masih terdapat tanggapan bahawa aktiviti kokurikulum adalah tidak sepenting aktiviti kurikulum masih

membelenggu komitmen kebanyakan pentadbir / pengurus sekolah, guru-guru, para pelajar dan ibu bapa atau penjaga.

Perancangan, pengelolaan, penyeliaan dan penilaian oleh guru penolong kanan kokurikulum amat penting dan diperlukan untuk memastikan keberkesanan aktiviti kokurikulum di sekolah. Penglibatan yang aktif daripada semua pihak berkenaan akan memastikan objektif dan matlamat untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, emosi jasmani, rohani dan sahsiah dapat dicapai sepenuhnya. Memang tidak dapat dinafikan bahawa melalui penyertaan aktiviti kokurikulum, ia dapat melahirkan masyarakat yang bersatu padu, bertoleransi, berdisiplin dan mempunyai sahsiah yang terpuji sesuai dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Oleh itu, penolong kanan kokurikulum termasuk pihak yang terlibat perlulah memikul tanggungjawab yang telah diberikan dengan penuh dedikasi.

1.3 Soalan Kajian

Berdasarkan tujuan di atas, kajian ini dijalankan untuk mencari jawapan kepada soalan-soalan berikut :

- 1.3.1 Apakah tahap peranan yang sepatutnya dimainkan oleh penolong kanan kokurikulum sebagai perancang kokurikulum menurut persepsi guru penasihat kokurikulum?
- 1.3.2 Apakah tahap peranan yang sepatutnya dimainkan oleh penolong kanan kokurikulum sebagai pengelola kokurikulum menurut persepsi guru penasihat kokurikulum?
- 1.3.3 Apakah tahap peranan yang sepatutnya dimainkan oleh penolong kanan kokurikulum sebagai penyelia kokurikulum menurut persepsi guru penasihat kokurikulum?
- 1.3.4 Apakah tahap peranan yang sepatutnya dimainkan oleh penolong kanan kokurikulum sebagai penilai kokurikulum menurut persepsi guru penasihat kokurikulum?
- 1.3.5 Adakah terdapat perbezaan amalan penolong kanan kokurikulum sebagai pengurus kokurikulum berdasarkan ciri demografi?

1.3.6 Adakah terdapat hubungan inter - dimensi amalan penolong kanan kokurikulum sebagai pengurus kokurikulum?

1.4 Tujuan Kajian

Kajian yang dijalankan oleh penyelidik adalah bertujuan untuk mengenal pasti peranan yang sepatutnya dimainkan oleh penolong kanan kokurikulum dalam pengurusan kokurikulum di sekolah sebagai perancang, pengelola, penyelia dan penilai bagi menentukan keberkesanan pengurusan dan pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah. Oleh itu, penyelidik berharap hasil kajian ini dapat membantu pihak pengurusan iaitu pentadbir dan guru-guru untuk mengenal pasti kelemahan dan kekurangan dalam pengurusan kokurikulum dan seterusnya memperbaiki kelemahan dan kekurangan yang dihadapi. Di samping itu, penyelidik berharap kajian ini menjadi maklumat kepada penolong kanan kokurikulum, pengetua, Pejabat Pelajaran Daerah, Pejabat Pelajaran Negeri dan Kementerian Pelajaran Malaysia situsai sebenar pengurusan kokurikulum oleh penolong kanan kokurikulum di sekolah menengah.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk :

- 1.5.1 Mengetahui tahap peranan yang sepatutnya dimainkan oleh penolong kanan kokurikulum sebagai perancang kokurikulum .
- 1.5.2 Mengetahui tahap peranan yang sepatutnya dimainkan oleh penolong kanan kokurikulum sebagai pengelola kokurikulum .
- 1.5.3 Mengetahui tahap peranan yang sepatutnya dimainkan oleh penolong kanan kokurikulum sebagai penyelia kokurikulum .
- 1.5.4 Mengetahui tahap peranan yang sepatutnya dimainkan oleh penolong kanan kokurikulum sebagai penilai kokurikulum .
- 1.5.5 Mengetahui perbezaan amalan penolong kanan kokurikulum sebagai pengurus kokurikulum berdasarkan ciri demografi.
- 1.5.6 Mengetahui hubungan inter – dimensi antara dimensi amalan pengurusan kokurikulum penolong kanan kokurikulum.

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian yang dibentuk adalah seperti berikut :

- Ho1 Tidak ada perbezaan yang signifikan di antara amalan pengurusan penolong kanan kokurikulum berdasarkan ciri jantina.
- Ho2 Tidak ada perbezaan yang signifikan di antara amalan pengurusan penolong kanan kokurikulum berdasarkan umur.
- Ho3 Tidak ada perbezaan yang signifikan di antara amalan pengurusan penolong kanan kokurikulum berdasarkan akademik.
- Ho4 Tidak ada perbezaan yang signifikan di antara amalan pengurusan penolong kanan kokurikulum berdasarkan pengalaman mengajar.
- Ho5 Tidak terdapat hubungan inter – dimensi yang signifikan antara dimensi amalan pengurusan kokurikulum penolong kanan kokurikulum.

1.7 Definisi Operasional

1.7.1 Penolong Kanan Kokurikulum(GPK Kokurikulum)

Guru-guru penolong kanan yang merupakan personel amat penting dalam menentukan matlamat dan objektif sesebuah sekolah. Sekolah yang merupakan sebuah organisasi pendidikan yang cemerlang dari aspek budaya dan iklim sekolah berkesan dalam memenuhi cabaran pendidikan pada masa akan datang.

Sebagai satu kumpulan personel yang penting di sekolah maka penolong kanan kokurikulum haruslah benar-benar memahami serta memiliki ciri-ciri kepimpinan yang unggul di samping ketrampilan dalam bidang pengurusan yang bersepadu dan menyeluruh. Oleh itu, setiap penolong kanan kokurikulum haruslah sentiasa melengkapkan diri dengan pengetahuan, kemahiran-kemahiran yang berkaitan dan paling penting sikap positif terhadap bidang tugas dan tanggungjawab selaras dengan jawatan yang disandang.

Bagi penolong kanan kokurikulum, berikut ialah bidang tugas yang perlu dipikul dan dilaksanakan dengan penuh bertanggungjawab. Antara bidang tugas penolong kanan kokurikulum ialah :

- Menjalankan tugas-tugas pengetua semasa ketiadaan pengetua.
- Mengajar sebilangan waktu mengikut arahan pengetua.

- Bertanggungjawab kepada pengetua dalam semua aktiviti, kokurikulum iaitu sukan / permainan, kelab / persatuan dan unit beruniform.
- Membantu pengetua dalam pentadbiran sekolah yang mempunyai sesi petang
- Membantu pengetua menyelia dan menilai proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Manakala dalam bidang pengurusan, berikut ialah tugas-tugas penolong kanan kokurikulum :

- Mengurus dan menyelaraskan kegiatan setiap bidang kokurikulum.
- Menyediakan anggaran belanjawan pengurusan kokurikulum.
- Menentukan langkah keselamatan dalam setiap aktiviti kokurikulum telah diambil.
- Membantu dan mengurus segala penerbitan majalah / artikel sekolah.
- Menyelaraskan pembahagian pelajar dalam kumpulan / rumah dan meningkatkan pencapaian prestasi aktiviti setiap rumah sukan.
- Menguruskan dan menyelia peralatan dan kemudahan kokurikulum.
- Memastikan rekod-rekod dan data kokurikulum diselenggara dengan baik.
- Mengenalpasti guru / pelajar yang berpotensi untuk maju dan mengadakan program khas untuk mereka.

Dalam bidang pembangunan diri pula, penolong kanan kokurikulum perlu membantu merancang program pembangunan diri pelajar seperti perkhemahan tahunan, Hari Kantin dan lain-lain. Manakala dalam pembangunan organisasi, penolong kanan kokurikulum perlu mewujudkan hubungan dua hala antara sekolah dengan ibu bapa / masyarakat dan mengadakan kursus / latihan untuk personel.

Dalam pembangunan sendiri pula, penolong kanan kokurikulum perlulah :

- Mempertingkatkan Budaya Membaca dan Budaya Ilmu.
- Menghadiri kursus, seminar dan bengkel.
- Menjalankan kajian bagi kecemerlangan pengurusan sekolah (R & D).
- Menghasilkan artikel-artikel bidang ikhtisas dan pengurusan.

- Memberi sumbangan kepakaran dalam bidang pendidikan kepada yang memerlukannya.
- Melibatkan diri secara aktif dalam persatuan yang berkaitan dengan profesion keguruan.

1.7.2 Pengurusan Kokurikulum

Pengurusan ialah proses bekerja dengan dan melalui orang lain untuk mencapai objektif organisasi dalam alam sekeliling yang berubah-ubah. Tumpuan kepada proses ini ialah keberkesanan dan kecekapan (*effectiveness and efficiency*) terhadap pengurusan sumber-sumber yang terhad. Keberkesanan ialah pencapaian ke atas objektif yang telah dicatat / dipersetujui dengan melaksanakan dan berjaya menyiapkan tugas tersebut. Kecekapan pula ialah sumber-sumber yang dikehendaki atau yang diperlukan untuk mencapai objektif dan ditimbang dengan apa yang sebenarnya telah tercapai.

Oleh itu, pengurus mestilah mampu mengimbangkan antara keberkesanan dan kecekapan. Pengurus mesti berkesan di dalam melaksanakan dan menyiapkan kerja di samping itu cekap mengawal kos dan menjimatkan sumber-sumber yang terhad.

Menurut Abd. Alim (1995), menyatakan bahawa dalam situasi pengurusan kokurikulum di sekolah, antara input yang penting ialah kewangan, tenaga jurulatih, kemudahan dan peralatan. Manakala output merujuk kepada murid-murid atau pelajar mendapat sesuatu manfaat daripada penglibatan ataupun penyertaan dalam mana-mana aktiviti kokurikulum yang telah dirancang oleh pihak sekolah selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Terdapat beberapa tugas utama yang perlu dilaksanakan oleh penolong kanan kokurikulum sebagai pengurus. Antara tugas utama pengurus kokurikulum ialah merancang, di mana seseorang pengurus itu dapat menentukan objektif dan matlamat aktiviti kokurikulum, membentuk AJK dan mengenal pasti peserta-peserta serta kemudahan dan tempat menjalankan aktiviti. Tugas seterusnya ialah sebagai pengelolaan, di mana mewujudkan struktur organisasi dan perlembagaan dengan pernyataan tugas-tugas, peranan, objektif dan matlamatnya. Seterusnya tugas sebagai pemimpin, di mana memainkan peranan sebagai penasihat, pemimpin dan fasilitator.